

**Pesara Minta Hentikan Politik Kebencian Kepada Kerajaan
Bernama
21 Mei, 2013**

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Persatuan Pesara Kerajaan (Pesara) meminta pembangkang menghentikan fitnah dan hasutan berbentuk politik kebencian kepada kerajaan.

Presidennya Tan Sri Wan Mahmood Pawan Teh berkata pembangkang tidak sepatutnya menyemai perasaan kebencian itu hanya semata-mata tidak berpuas hati dengan keputusan pilihan raya umum ke-13 (PRU13) baru-baru ini.

Tindakan itu, katanya akan memecahbelahkan rakyat dan membantutkan proses pembangunan negara yang sepatutnya berlangsung dengan kerjasama semua kaum di negara ini.

"Mengheret isu-isu yang belum tahu kebenarannya ke jalan raya boleh menimbulkan banyak salah faham dan mengakibatkan porak-peranda dan kehancuran di negara kita," katanya ketika dihubungi Bernama Selasa.

Sebaliknya, beliau berkata jika terdapat kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana calon atau parti politik berhubung proses PRU13, ia sepatutnya diselesaikan melalui undang-undang negara dengan menfailkan petisyen kepada mahkamah.

Wan Mahmood berkata saranan itu adalah antara lima resolusi yang diputuskan Pesara, yang dianggotai 40,000 orang, pada mesyuarat khasnya di sini, semalam.

Resolusi lain ialah mengenai masalah polarisasi kaum selepas PRU13 yang dilihat boleh menjejaskan perpaduan rakyat dan dikhuatiri menjadi lebih buruk jika tidak ditangani dengan cermat.

Selain itu, Pesara mahu mengembalikan semula kepercayaan belia kepada kerajaan.

Wan Mahmood berkata resolusi itu akan dibentangkan pada satu seminar tertutup anjuran Pesara bulan depan selain diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak serta pemimpin parti politik lain.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=951081>